

PM: Perasuah perlu dipenjara tetapi bukan seumur hidup

Malaysiakini

25 September 2018

Leslean Arshad,

Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata individu yang melakukan rasuah mesti dihukum tetapi beliau berpendapat Malaysia belum mencapai tahap pesalah rasuah harus dihukum penjara seumur hidup.

“Mereka (individu yang melakukan rasuah) mungkin di penjara, berapa lama mereka dipenjarakan bergantung pada tahap kesalahan rasuah, dan saya fikir tahap rasuah yang berbeza memerlukan hukuman yang berbeza.

“Tetapi kami belum mencapai tahap bagi hukuman penjara seumur hidup,” katanya.

Dr Mahathir menjawab soalan sama ada beliau menyokong hukuman mati bagi pemimpin yang melakukan rasuah selepas menyampaikan syarahan bertajuk ‘Cabaran Tadbir Urus Yang Baik Dalam Negara Islam’ hari ini di Pusat Pengajian Islam Oxford di Universiti Oxford, London.

Individu yang didapati bersalah melakukan rasuah oleh mahkamah di Malaysia

akan dihukum penjara, katanya dan menambah bahawa di sesetengah negara pesalah rasuah ditembak mati tetapi ia tidak akan menyelesaikan masalah itu.

Dalam syarahannya, yang menyentuh mengenai negara Islam dan sistem demokrasi, Dr Mahathir berkata negara Islam yang mengamalkan sistem demokrasi perlu lebih banyak masa untuk memahami pelaksanaan demokrasi.

“Sekiranya anda tidak memahami bahawa dalam demokrasi undi paling berkuasa, jadi anda tidak perlu mengamalkan sistem demokrasi,” katanya sambil menambah di beberapa negara Islam, mereka lebih selesa dengan sistem monarki.

Di sesetengah negara Islam, peralihan kepada sistem demokrasi telah membawa bencana terhadap negara-negara berkenaan, katanya.

“Setiap kali mereka cuba laksanakan sistem demokrasi, akan ada pertempuran antara mereka dan negara itu hampir musnah,” katanya.

Beliau berkata dalam sistem demokrasi, rakyat memilih kerajaan dan menyokong kerajaan untuk tempoh masa tertentu.

Bagaimanapun, katanya lagi, penduduk di beberapa negara Islam tidak sanggup menunggu sehingga tamat tempoh tersebut dan mahu perubahan segera selepas

pilihan raya.

“(Ia) masa untuk mereka menghormati undi dan menubuhkan kerajaan yang menggunakan kuasa untuk kebaikan negara dan rakyat,” katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia adalah sebuah negara Islam yang mengamalkan sistem demokrasi, walaupun 60 peratus daripada penduduknya adalah beragama Islam dan rakyatnya taat kepada Raja.

Sistem ini dianggap berjaya kerana rakyat Malaysia mempunyai Raja dan mereka juga mengamalkan sistem demokrasi, katanya.

“Kami (di Malaysia) tidak suka keganasan. Kami tidak menggulingkan kerajaan sehingga kerajaan itu bertukar dengan sendirinya,” katanya dan disambut dengan gelak ketawa para hadirin.

Pada lawatan sulungnya ke Pusat Pengajian Islam Oxford pada 1996, Dr Mahathir pernah menyampaikan ceramahnya yang terkenal bertajuk ‘Islam Agama yang Diselewengkan’.

Sejak penubuhannya pada tahun 1985, pusat ini telah menampilkan ramai tokoh terkemuka untuk bercakap mengenai pelbagai perkara yang berkaitan dengan dunia Islam.

Di dalam premisnya yang baru, pusat ini mempunyai beberapa ruang kuliah yang khusus termasuk Auditorium Malaysia bagi perkembangan programnya.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malysiakini.com/news/444529>